



NEGERI SABAH

[JPAN : 700-3/2 JLD.2 (43)]

**PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 6/2018
BANTUAN KHAS AIDILFITRI TAHUN 2018**

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan keputusan Kerajaan untuk memberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2018 (Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 dibayar kepada semua pegawai Perkhidmatan Awam Negeri sebanyak RM500.00.

3. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018.

PELAKSANAAN

4. Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 sebanyak RM500.00 diberi kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dengan syarat bahawa pegawai masih berkhidmat sehingga 5 Jun 2018 dan berada dalam perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 hari berturut-turut dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

5. Tempoh 30 hari berturut-turut adalah termasuk semua jenis cuti bergaji penuh, semua jenis cuti separuh gaji, semua jenis cuti tanpa gaji, Hari Rehat Mingguan, Hari Kelepasan Mingguan dan Hari Kelepasan Am dalam tempoh 1 Januari 2018 hingga 5 Jun 2018.

PEGAWAI YANG LAYAK

6. Tertakluk kepada perenggan 4 dan 5 di atas, pegawai yang layak diberi Bantuan Khas Aidilfitri Tahun 2018 adalah seperti berikut:

- 6.1 pegawai lantikan tetap, sementara dan kontrak;
- 6.2 pegawai yang bercuti bergaji penuh;
- 6.3 pegawai yang bercuti separuh gaji;
- 6.4 pegawai yang bercuti tanpa gaji;
- 6.5 pegawai yang dipinjamkan termasuk ke agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
- 6.6 pegawai lantikan politik yang berkhidmat di Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat; dan
- 6.7 pegawai lantikan vot terbuka.

